


**SEJARAH DAERAH JEMPOL: KEDATANGAN DAN PERKEMBANGAN
MASYARAKAT MINANGKABAU (1800-1980)**

**NOOR SHALIDA BINTI MOHD SHARIF
G 68622**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN
KEPUJIAN**

**JABATAN SEJARAH
PUSAT PENGAJIAN SEJARAH, POLITIK DAN STRATEGIK
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
SESI 2003/2004**



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA.

**SEJARAH DAERAH JEMPOL: KEDATANGAN DAN PERKEMBANGAN
MASYARAKAT MINANGKABAU (1800-1980)**

DISEDIAKAN OLEH:

**NOOR SHALIDA BINTI MOHD SHARIF
G 68622**

**Kertas Projek ini telah diterima oleh Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan
Malaysia untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjanamuda
Sastera (Dengan Kepujian) pada sesi 2003/2004**

**Penyelia
(Prof Madya Dr. Khazin Bin Mohd. Tamrin)**

11-5-04

Tarikh

**Ketua Jabatan
(Prof Madya Dr. Khazin Bin Mohd. Tamrin)**

11-5-04

Tarikh

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

05 Mei 2004

NOOR SHALIDA BINTI MOHD SHARIF
G 68622

LATAR DIRI

Noor shalida binti Mohd Sharif dilahirkan pada 26 Disember 1980 di Hospital Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Palong Dua. Kemudiannya meneruskan pendidikan diperingkat sekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Palong Dua, sehingga tamat menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Seterusnya, beliau meneruskan pendidikan diperingkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia di Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR), Gemas, Negeri Sembilan. Tamatnya persekolahan beliau di sekolah berkenaan, kemudiannya beliau ditawarkan melanjutkan pelajaran diperingkat Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian iaitu di bawah Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia-Kolej Yayasan Melaka bagi sesi pengajian 2001/2004.

Tarikh

05 Mei 2004

Noor shalida binti Mohd Sharif

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia serta keizinanNya telah menganugerahkan kekuatan dan keupayaan kepada penyelidik bagi menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan seadanya.

Penyelidik mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya. Dr. Khazin bin Mohd. Tamrin selaku penyelia yang telah banyak memberi dorongan, bimbingan, tunjuk ajar dengan kesabaran serta keyakinan yang diberikan untuk kesempurnaan kajian. Juga tidak dilupakan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Sejarah serta kakitangan Pusat Pengajian Sejarah, Politik & Strategi yang turut menghulurkan bantuan.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia serta Penghulu Daerah Jempol, En. Nazri bin Yunos. Seterusnya terima kasih juga kepada lain-lain pihak yang terlibat seperti Arkib Negara Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, P. P. Cawangan Gemas, P.P Cawangan Bahau, Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM, Perpustakaan Jabatan Sejarah UKM, Jabatan kerajaan seperti Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan, Jabatan Perangkaan Negeri Sembilan, Pejabat Daerah dan Tanah Jempol serta penduduk-penduduk Daerah Jempol yang terlibat di dalam memberi kerjasama bagi melancarkan perjalanan kajian.

Penghargaan yang tidak terhingga khusus ditujukan kepada keluarga tercinta yang menjadi pendorong utama kejayaan. Kepada Ayahanda dan Bonda yang sentiasa mengiringi dengan doa, semangat, keyakinan dan sebagainya, tidak mungkin terhitung jasa yang telah kalian berikan bagi menempuh hari-hari yang mendatang sehingga ke saat ini.

Ucapan terima kasih juga tidak dilupakan kepada sahabat-sahabat seangkatan yang sama-sama berjuang menempuh cabaran dan dugaan sepanjang pengajian ini.

Sekian Terima Kasih.

NOOR SHALIDA BINTI MOHD SHARIF.
NO.448 PALONG DUA,
73450 GEMAS,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

ABSTRAK

Dalam Kertas Projek ini, penulis cuba untuk memaparkan tentang sejarah Daerah Jempol di Negeri Sembilan. Di samping itu juga penulis akan membicarakan mengenai kedatangan dan perkembangan masyarakat Minangkabau yang merupakan perantau dari Sumatera Barat, Indonesia. Pada bahagian pertama penulis akan mendedahkan mengenai Sejarah Hubungan Negeri Sembilan dengan Minangkabau serta faktor-faktor kedatangan mereka. Kedatangan mereka ke Negeri Sembilan dikatakan bermula sejak abad ke-14 lagi. Seterusnya, penulis akan memaparkan tentang latar belakang Daerah Jempol iaitu dari segi sejarah dan asal-usul nama Jempol. Manakala pada bahagian ke tiga, adalah mengenai sejarah penerokaan masyarakat Minangkabau ke Daerah Jempol. Pada bahagian ke empat, mengenai sosioekonomi dan perkembangan aktiviti masyarakat Minangkabau di Daerah Jempol. Bahagian yang terakhir pula adalah mengenai sistem politik masyarakat Minangkabau di Daerah Jempol.

KANDUNGAN**Halaman**

PENGAKUAN	II
LATAR DIRI	III
PENGHARGAAN	IV
ABSTRAK	V
KANDUNGAN	VI
SENARAI PETA	VII
SENARAI JADUAL	VIII
SENARAI GAMBAR	VIV
SENARAI KEPENDEKAN	VX

PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Matlamat Kajian	2
Fokus Kajian	3
Kajian Lepas	4
Sumber Kajian	5
Masalah Kajian	8

BAHAGIAN SATU: SEJARAH HUBUNGAN NEGERI**SEMBILAN DENGAN MINANGKABAU.**

1.0 Pengenalan	10
1.1 Faktor-faktor yang merapatkan hubungan diantara negeri sembilan dengan minangkabau di	

SUMATERA.

1.1.1 FAKTOR LOKASI	11
1.1.2 PERSAMAAN BUDAYA MASYARAKAT	12
1.1.3 TRADISI MERANTAU	16
1.2 PROSES PENGHIJRAHAN MASYARAKAT MINANGKABAU KE NEGERI SEMBILAN	21
1.3 KESIMPULAN	26

BAHAGIAN DUA: LATAR BELAKANG DAERAH JEMPOL

2.0 PENGENALAN	27
2.1 SEJARAH JEMPOL	30
2.2 ASAL-USUL NAMA JEMPOL	31
2.3 KESIMPULAN	38

**BAHAGIAN TIGA: SEJARAH PENEROKAAN PENEMPATAN
DI JEMPOL.**

3.0 SEJARAH PENEROKAAN AWAL DI JEMPOL	40
3.1 SEJARAH PEMBUKAAN PENEMPATAN DI JEMPOL	43
3.2 SEJARAH LALUAN PENARIKAN DI JEMPOL	48
3.3 CARA MEMPEROLEHI TANAH	54
3.3 KESIMPULAN	58

**BAHAGIAN EMPAT: SOSIOEKONOMI MASYARAKAT
MINANGKABAU DI JEMPOL**

4.1 KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT MINANGKABAU DI JEMPOL	59
--	----

4.2 KEGIATAN SOSIAL MASYARAKAT	63
MINANGKABAU DI JEMPOL	
4.3 KESIMPULAN	69
 BAHAGIAN LIMA: STRUTUR POLITIK MASYARAKAT	
MINANGKABAU DI DAERAH JEMPOL.	
5.0 SISTEM POLITIK TRADISIONAL MASYARAKAT	70
JEMPOL	
5.1 PERANAN PENGHULU, LEMBAGA DAN BUAPAK	71
5.2 KESIMPULAN	75
 BAHAGIAN ENAM: KESIMPULAN	76
 LAMPIRAN	XIV
SENARAI RUJUKAN	XVII

SENARAI PETA

Peta 1: Kawasan Sumatera

Peta 2: Peta Lakar Sungai-sungai penting Laluan Adat
Perpatih ke Negeri Sembilan

Peta 3: Menunjukkan nama Negeri Minangkabau.

Peta 4: Mukim-mukim yang terdapat di Negeri Sembilan.

Peta 5 Kedudukan kampung-kampung di Daerah Jempol

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Jumlah Penduduk Mengikut Kaum di Daerah
Jempol pada tahun 1980

Jadual 2: Sekolah Melayu di Daerah Jempol pada abad Ke-19

Jadual 3: Masjid-masjid yang mengembangkan bidang
pendidikan di Daerah Jempol, Negeri Sembilan.

SENARAI GAMBAR

Gambar 1: Sekolah Pondok.

SENARAI KEPENDEKAN

JMBRAS The Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society

UKM Universiti Kebangsaan Malaysia.

P.P Perbadanan Perpustakaan

BAHAGIAN 4: PERKEMBANGAN MASYARAKAT MINANGKABAU DI JEMPOL

PERKEMBANGAN DARI SEGI EKONOMI

Pada zaman tradisional masyarakat Minangkabau di daerah Jempol majoritinya melakukan aktiviti menanam padi, menternak binatang, menanam pokok buah-buahan serta membuat kerja pertukangan tangan secara kecil-kecilan. Pekerjaan bersawah padi ini hanya dilakukan secara sara diri sahaja. Mereka tidak mengeluarkan hasil lebih kerana menggunakan teknologi yang rendah. Mereka hanya mewarisi penggunaan alat-alat tradisi seperti cangkul, sabit dan tajak. Manakala para pekerja hanya terdiri daripada kaum keluarga sahaja. Secara keseluruhannya, masyarakat ini boleh dikategorikan sebagai masyarakat peasant.³⁵

Masyarakat Minangkabau adalah merupakan masyarakat tani. Pada zaman dahulu, hak seseorang terhadap tanah adalah sebagai sumber utama ekonomi

³⁵ Masyarakat peasant adalah bermaksud seperti petani di Jebebu yang digambarkan oleh M.G.Swift dalam karyanya *Malay Peasant Society in Jebebu*.

adalah sangat penting. Kerajinan dan kesungguhan seseorang petani itu dapat dilihat dengan adanya bukti-bukti pekerjaan seperti dalam pepatah ini: *sebingkah tanah terbalik, sehelai akar putus, sebatang kayu rebah*. Pepatah ini menunjukkan bahawa sebidang tanah yang telah diusahakan. Terdapat satu lagi pepatah yang menunjukkan bahawa aktiviti bertani ini telah lama dilakukan iaitu: *pinang yang gayu, nyiur yang saka, jirat yang panjang*. Pepatah ini bermaksud sudah lama dilakukan pekerjaan tersebut seperti pokok pinang yang sudah tinggi, pokok nyiur yang hampir hendak mati dan kubur-kubur tuan punya tanah turun-temurun.³⁶

Bagi memilih bakal suami kepada anak-anak perempuan mereka, orang Semenda haruslah terdiri daripada yang *pandai buat pagar dan parang sentiasa terselit di pinggang*.

Kegiatan pertanian yang utama dijalankan oleh masyarakat Minangkabau di daerah Jempol ialah penanaman padi. Padi merupakan makanan utama kepada semua penduduk di daerah tersebut. Dengan itu, hampir kesemua keluarga dalam Adat Perpatih mempunyai tanah sawah sendiri. Tanah sawah ini biasanya terletak berhampiran dengan rumah, di tepi sungai atau anak air. Perkara yang penting sekali ialah sawah haruslah berdekatan dengan bekalan air.

Lazimnya masyarakat Minangkabau menjalani lapan peringkat semasa menjalankan aktiviti bersawah ini. Peringkat pertama mereka akan menjalankan aktiviti menaikkan air; kemudian menyangkul, menyemai, merumput, menuai, mengirik, mengangin dan akhir sekali ialah menjemur. Kelapan-lapan peringkat ini mesti dilakukan bagi menghasilkan padi dan beras yang bermutu tinggi.³⁷

³⁶Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 84.

³⁷Ibid. hlm. 87.

Menanam padi merupakan tanggung jawab kepada suami isteri bersama dengan bantuan anak-anak lelaki dan perempuan yang sudah besar dan boleh melakukan kerja. Terdapat tiga perkara semasa menjalankan aktiviti ini, iaitu tolong-menolong, menyeraya dan pedua.³⁸ Tolong-menolong dan menyeraya merupakan persediaan untuk memulakan aktiviti bersawah sahaja. Contohnya apabila seseorang petani yang memerlukan perkhidmatan pertolongan percuma daripada jirannya seperti suami hilang bantuan isterinya untuk menyudahkan menyangkul kerana sakit. Biasanya kerja-kerja ini disiapkan dalam masa sehari.

Satu lagi aspek tolong-menolong ialah berkongsi membuat kerja-kerja umum. Beberapa orang bersetuju menggembelingkan tenaga untuk mengerjakan tanah masing-masing secara bergilir-gilir. Kerja yang dilakukan adalah seperti menebas, menyangkul, melambuk dan sebagainya. Menyeraya pula adalah dilakukan oleh seseorang petani yang perlu pertolongan untuk menyudahkan sawah dengan cepat. Menyeraya juga dilakukan tanpa upah, namun orang yang menyeraya mesti menyediakan makanan seperti kopi, teh, bubur kacang dan sebagainya. Orang-orang yang diseraya akan dijemput oleh petani sendiri. Selain itu, terdapat juga kerjasama untuk kepentingan ramai seperti gotong-royong, membaiki jalan, membersihkan surau, menebas tanah perkuburan dan sebagainya. Fungsi tolong-menolong atau menyeraya pada masa kini dari pengalaman penulis sendiri agak berkurangan dilakukan.

Manakala pedua pula sebenarnya terbahagi kepada dua. Pedua biasanya berhubung dengan petani atas sebab-sebab tertentu seperti tua, selalu sakit hingga tidak dapat mengerjakan tanah sawahnya. Terdapat juga yang hanya sanggup

³⁸ Ibid

mengerjakan sebahagian tanah sawahnya dan sebahagiannya lagi di peduakan. Jadi, pedua tersebut bermaksud membenarkan orang lain mengerjakan sawah itu.

Kebanyakan masyarakat Adat Perpatih umumnya padi jarang dijual. Ini kerana dalam sistem tanah pusaka, kawasan padi jarang yang besar, ianya hanya bertahan untuk bekalan selama setahun. Sekiranya ada lebihan, akan disimpan didalam kepuk dan kemudian digunakan untuk membuat kenduri-kendara.³⁹

Namun setelah kedatangan Barat ke Negeri Sembilan iaitu pada abad ke-19, pada peringkat awalnya mereka masih lagi menggunakan peralatan pertanian secara tradisional. Kedatangan pihak British ini telah memperkenalkan pertanian getah dilereng-lereng bukit. Walau bagaimanapun kegiatan bersawah padi masih menjadi pekerjaan penting mereka. Di Jempol, kampung-kampung yang menjalankan kegiatan bersawah ini adalah seperti Kampung Bukit Gombang, Kampung Lonek, Kampung Gajah Mati, Kampung Bukit Kelulut, Kampung Kuala Sialang dan Kampung Ulu Jempol.⁴⁰

Selain daripada kegiatan bersawah, mereka juga turut menjalankan aktiviti pertanian sampingan seperti menanam buah-buahan, getah dan lain-lain tanaman. Masyarakat Minangkabau menanam pokok buah-buahan seperti durian, manggis, langsung, rambutan, mangga, bacang, rambai, ciku, dan sebagainya. Namun pokok ini hanya ditanam sebatang dua sahaja kerana ianya ditanam disekitar kawasan rumah. Tujuan sebenar pokok-pokok itu ditanam adalah untuk dimakan oleh ahli keluarga sahaja.

³⁹ Ibid. hlm 89.

⁴⁰ Lokman Abdul Samad, Jempol, *Dewan Budaya*, 2003, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 34

Hasil buah-buahan ini jarang yang dijual, jika ada yang menjualnya maka buah-buahan tersebut tidak habis dimakan. Di samping mereka tidak mahu menjualnya kerana tidak mendapat keuntungan. Contohnya buah manggis yang dijual dengan harga 30 sen adalah untuk 100 biji.

Selain daripada menanam pokok buah-buahan, mereka juga menanam secara sambilan tananam seperti pisang, ubi kayu, pokok kelapa, serai, kunyit dan sebagainya. Tananam jenis ini lazimnya ditanam di belakang dapur atau rumah sahaja kecuali pokok kelapa. Ini kerana pokok kelapa adalah tinggi dan merbahaya, jadi pokok ini ditanam di bahagian kawasan yang jauh dari laluan orang.

Namun begitu setelah akhir abad ke-19, beberapa perubahan telah berlaku dalam kehidupan keseluruhan penduduk Melayu luar bandar. Masyarakat Melayu luar bandar tidak lagi bergantung kepada pertanian sebagai sumber pendapatan. Dengan bersenjatakan pelbagai bentuk sijil persekolahan, termasuk ijazah, mereka telah berjaya mengukir hidup bentuk baru tanpa bergantung kepada hasil tanah atau pertanian malah bergantung semata-mata kepada gaji sebagai sumber hidup.


Bentuk pertanian juga turut berubah dengan wujudnya tanaman kontan seperti getah, tembakau, kopi, kelapa sawit dan beberapa jenis tanaman lain. Golongan petani juga tidak hanya bergantung kepada penanaman padi untuk dijual dan keperluan sendiri.⁴¹

⁴¹ Shamsul Amri Baharudin, *Dilema Tanah Adat*, *Dewan Budaya*, hlm. 18.

4.1 PERKEMBANGAN DARI SEGI SOSIAL

Sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Negeri Sembilan sama seperti juga dengan negeri-negeri yang lain iaitu merupakan masyarakat Melayu yang buta huruf. Hanya segelintir sahaja anggota-anggota masyarakat yang tidak buta huruf. Dalam masyarakat seperti ini institusi persekolahan secara lebih formal belum lagi wujud. Ini di sebabkan pendidikan lebih kepada yang tidak formal. Contohnya seperti belajar membaca al-Quran, menulis dan membaca Jawi oleh guru-guru agama Islam yang terdapat di kampung-kampung atau di institusi-institusi pondok.⁴²

Gambar 1 : Sekolah Pondok



Sumber: The Encyclopedia Of Malaysia: Early Modern History 1800-1940

Pada kebiasaannya sistem pendidikan yang tidak formal berlaku dalam peringkat keluarga yang mengajar nilai-nilai budaya masyarakat tradisional melalui tradisi cerita-cerita lisan. Di samping itu, kanak-kanak juga mempelajari segala pantang larang, adat istiadat dan adab kesopanan melalui proses sosialisasi.⁴³ Melalui cerita lisan, mereka juga boleh mewarisi cerita-cerita dongeng rakyat, mitos dan bentuk-bentuk puisi yang popular. Cerita-cerita lisan

⁴² *Sejarah Sekolah-sekolah Di Negeri Sembilan 1870-1974*, Kementerian Pelajaran Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Negeri Sembilan, 1975, hlm. 3.

⁴³ Ismail Hamid, *Masyarakat Dan Budaya Melayu*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm.139.

yang dipertuturkan kepada anak-anak secara perseorangan mahupun berkumpulan oleh orang dewasa sebagai memainkan peranan dalam pendidikan budi dan tatasusila. Setiap cerita lisan yang disampaikan mempunyai tema dan unsur-unsur pengajaran.

Pendidikan melalui bercerita merupakan cara pendidikan yang paling berkesan kepada anak-anak. Pendidikan bentuk ini masih diteruskan hingga kini. Selain itu, masyarakat Melayu tradisional juga menyampaikan pendidikan melalui peribahasa, pantun, teka-teki dan lain-lain.

Di samping itu, terdapat tiga bentuk sistem pengajian semasa zaman tradisional iaitu, sistem Pondok, gelanggang dan mengaji. Antara ketiga-tiga sistem ini, sistem pondok lebih mendapat perhatian dan sokongan daripada masyarakat. Ini mungkin kerana sistem pondok mempunyai kaitan yang rapat dengan bidang keagamaan. Sehingga kedatangan British ke Negeri Sembilan sistem pondok telah mempunyai kedudukan yang begitu kuat dan berpengaruh dalam masyarakat.

Ciri-ciri sistem pondok ialah pelajaran yang diberi lebih bersifat keagamaan daripada keduniaan, murid-murid diterima tanpa sebarang sekatan-sekatan tertentu contohnya umur yang tidak terbatas, murid-murid akan tinggal dipondok itu, tiada orientasi kepada sesuatu sistem peperiksaan yang penting ialah amalan dan kurikulum tidak disusun dengan rapi.⁴⁴ Sistem gelanggang pula khusus untuk memberi pelajaran jasmani iaitu melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran mempertahankan diri. Manakala sistem mengaji pula bermaksud

⁴⁴*Sejarah Sekolah-sekolah di Negeri Sembilan 1870-1974*, hlm.4.

usaha-usaha mengajar kanak-kanak mengenali abjad Jawi atau Arab, membaca Quran dan sebagainya.

Manakala pengajian yang bercorak separuh formal juga berlaku dalam mempelajari berbagai-bagai cabang seni termasuk kemahiran dalam pertukangan. Walau bagaimanapun ilmu-ilmu dalam bidang-bidang seperti ini biasanya diperturunkan kepada ahli keluarga sahaja. Pengajian yang bercorak separuh informal juga diamalkan dalam mempelajari ilmu perubatan atau perbomohan serta berbagai-bagai kepakaran.

Kemudian pada penghujung kurun ke-19, di Negeri Sembilan telah wujud sekolah Ugama Rakyat dan sekolah Sekular. Sekolah Ugama Rakyat pada umumnya adalah memiliki ciri-ciri sistem pondok. Perkara yang dititik beratkan ialah pendidikan agama. Di samping itu, kemunculan sekolah-sekolah sekular yang kemudiannya dinamakan Sekolah Melayu, mewujudkan persaingan antara sekolah sekular dengan sekolah agama. Pada awalnya sekolah-sekolah sekular dicurigai oleh masyarakat, tetapi lama-kelamaan mendapat kepercayaan dari masyarakat.

Di Jempol, terdapat institusi pendidikan yang hanya bersifat sekular. Penulis difahamkan bahawa Jempol tidak mempunyai sekolah institusi pengajian pondok. Berikut merupakan jadual nama-nama sekolah beserta dengan tahunnya.

Jadual 2: Sekolah Melayu di daerah Jempol pada abad ke-19

Tahun	Nama Sekolah
13.6.1868	Sek. Keb. Jempol
1896	Sek. Keb. Tanjung Ipoh
1905	Sek. Keb. Padang Lebar

1906	Sek. Keb. Batu Kikir
1907	Sek. Keb. Tengkek
16.8.1915	Sek. Keb. Terusan
17.8.1915	Sek. Keb. Tapak
1938	Sek. Keb. Serting Ulu

Sumber: Sejarah Sekolah-sekolah di Negeri Sembilan 1870-1975, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1975.

Hasil daripada jadual ini, penulis dapati institusi pendidikan di daerah Jempol semakin berkembang. Walaupun tiada institusi yang berbentuk pondok, mereka tidak mengenenpikan ajaran agama. Mereka masih mempelajarinya dari golongan pemimpin agama. Dengan itu, surau-surau serta masjid begitu penting dalam menyebarkan ajaran agama ini. Seiring dengan pertumbuhan sekolah-sekolah yang bersifat formal dan tidak formal ini, institusi keagamaan juga turut berkembang.

Jadual 3: Masjid-masjid yang mengembangkan bidang pendidikan di daerah Jempol, Negeri Sembilan.

Nama Masjid	Tahun	Pengasas
Masjid Kariah Kampung Serting Ilir	1905	Haji Jaalam bin Kaha
Masjid Jamek Batu Kikir	1920	Haji Abdul Malik
Masjid Kariah Kuala Jempol	1926	Tuan Guru Haji Muhamad
Masjid Kariah Kampung Lonek	1926	Orang tua-tua dahulu

Sumber: Haji Muhamad bin Haji Mahyuddin, Koleksi Masjid-masjid Negeri Sembilan Darul Khusus, Penerbit Bahagian Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Negeri Sembilan, 1996.

Penulis dapati keempat-empat masjid yang ditubuhkan pada abad ke-19 ini mempunyai ahli jemaah yang ramai. Ini menandakan masyarakat di daerah Jempol telah mempunyai kesedaran akan pentingnya pendidikan dalam hidup ini. Masjid Kariah Kampung Serting Ilir, mempunyai seramai 60 orang ahli jemaah, Masjid Jamek Batu Kikir seramai 100 orang, Masjid Kariah Kuala Jempol seramai 150 orang dan Masjid Kariah Kampung Lonek seramai 300 orang. Pada setiap tahun yang ditubuhkan, ahli jemaahnya didapati semakin bertambah jumlahnya.

Daerah Jempol, di setiap kampung mesti didirikan sebuah masjid dan setiap masjid itu akan diketuai oleh empat orang pegawai. Pegawai tersebut bergelar Imam, Khatib, Bilal dan Munkin. Empat-empat pegawai ini dipilih oleh masyarakat tempatan, dan setiap pegawai mempunyai tugas-tugas yang tertentu sama ada tugas di dalam masjid mahupun di luar masjid.

Tugas-tugas pegawai tersebut apabila di dalam masjid ialah pertama Imam, bertugas sebagai ketua atau menjadi ikutan semasa sembahyang. Kedua Khatib, beliau ditugaskan membaca khutbah dan Bilal pula ditugaskan azan atau bang iaitu bagi menentukan waktu solat. Manakala pegawai yang terakhir ialah Munkin, ditugaskan sebagai memanggil orang untuk melakukan ibadah sembahyang.⁴⁵

Manakala tugas-tugas mereka ketika di luar masjid pula ialah, Imam bertugas sebagai menyembahyangkan orang mati. Khatib pula bertugas sebagai membaca talkin manakala Bilal sebagai memandikan mayat. Munkin pula bertugas sebagai melihat kubur.⁴⁶

⁴⁵ Sheehan dan Abdul Aziz bin Khamis. *Adat Kuala Pilah*, JMBRAS.hlm 218

⁴⁶ *ibid*.hlm. 219.


4.2 KESIMPULAN

Perkembangan masyarakat Minangkabau di Daerah Jempol dari aspek ekonomi adalah sangat menggalakan. Pada zaman tradisional iaitu kedatangan awal masyarakat Minangkabau ke daerah ini, mereka hanya menjalankan aktiviti pertanian dengan menumpukan kepada aktiviti bersawah sahaja. Kegiatan ini juga hanya di lakukan sekadar untuk kegunaan bagi diri dan keluarga mereka sahaja. Peralatan yang digunakan adalah mewarisi alat-alat tradisi. Mereka juga di gelar sebagai masyarakat Peasant. Namun setelah kedatangan pihak British banyak yang telah mengalami perubahan. Contohnya cara mewarisi tanah serta penggunaan peralatan yang moden.


Manakala dari aspek sosial pula, bidang pendidikan adalah bidang yang terpenting. Pada peringkat awal, pendidikan hanya berlaku secara tidak formal sahaja. Mereka diajar melalui proses sosialisasi serta melalui cerita-cerita lisan. Melalui cara ini sangat berkesan dalam memperkembangkan bidang pendidikan. Di samping itu, ajaran yang bersifat keagamaan juga turut di tekankan oleh masyarakat pada ketika itu. Di Daerah Jempol, sekolah-sekolah Melayu mula dibina pada abad ke-19. Dengan itu, sebelum wujudnya sekolah-sekolah di Daerah Jempol ini, aktiviti pendidikan telah berlangsung di masjid-masjid.

LAMPIRAN


Panorama Alam Minangkabau



Masjid di Padang Panjang, Sumatera Barat.




Pemandangan Ngarai Sianok, di Bukit Tinggi, Sumatera Barat.



Jam Gadang, Bukittinggi, Sumatera Barat.



Istana Hinggap pada abad ke-17, bercirikan rumah Minangkabau.



Peta Sumatera



NEGELIZEMBLAN

Warta Kerajaan

DOI: 10.1002/for

COMMISSIONER OF SOCIAL SERVICES, ALBANY, N.Y.

[illegible]

1. $\frac{1}{2}$ 2. $\frac{1}{2}$

29th November 1979

2000, 1999, 1998, 1997, 1996, 1995, 1994, 1993, 1992, 1991, 1990, 1989, 1988, 1987, 1986, 1985, 1984, 1983, 1982, 1981, 1980, 1979, 1978, 1977, 1976, 1975, 1974, 1973, 1972, 1971, 1970, 1969, 1968, 1967, 1966, 1965, 1964, 1963, 1962, 1961, 1960, 1959, 1958, 1957, 1956, 1955, 1954, 1953, 1952, 1951, 1950, 1949, 1948, 1947, 1946, 1945, 1944, 1943, 1942, 1941, 1940, 1939, 1938, 1937, 1936, 1935, 1934, 1933, 1932, 1931, 1930, 1929, 1928, 1927, 1926, 1925, 1924, 1923, 1922, 1921, 1920, 1919, 1918, 1917, 1916, 1915, 1914, 1913, 1912, 1911, 1910, 1909, 1908, 1907, 1906, 1905, 1904, 1903, 1902, 1901, 1900, 1899, 1898, 1897, 1896, 1895, 1894, 1893, 1892, 1891, 1890, 1889, 1888, 1887, 1886, 1885, 1884, 1883, 1882, 1881, 1880, 1879, 1878, 1877, 1876, 1875, 1874, 1873, 1872, 1871, 1870, 1869, 1868, 1867, 1866, 1865, 1864, 1863, 1862, 1861, 1860, 1859, 1858, 1857, 1856, 1855, 1854, 1853, 1852, 1851, 1850, 1849, 1848, 1847, 1846, 1845, 1844, 1843, 1842, 1841, 1840, 1839, 1838, 1837, 1836, 1835, 1834, 1833, 1832, 1831, 1830, 1829, 1828, 1827, 1826, 1825, 1824, 1823, 1822, 1821, 1820, 1819, 1818, 1817, 1816, 1815, 1814, 1813, 1812, 1811, 1810, 1809, 1808, 1807, 1806, 1805, 1804, 1803, 1802, 1801, 1800, 1799, 1798, 1797, 1796, 1795, 1794, 1793, 1792, 1791, 1790, 1789, 1788, 1787, 1786, 1785, 1784, 1783, 1782, 1781, 1780, 1779, 1778, 1777, 1776, 1775, 1774, 1773, 1772, 1771, 1770, 1769, 1768, 1767, 1766, 1765, 1764, 1763, 1762, 1761, 1760, 1759, 1758, 1757, 1756, 1755, 1754, 1753, 1752, 1751, 1750, 1749, 1748, 1747, 1746, 1745, 1744, 1743, 1742, 1741, 1740, 1739, 1738, 1737, 1736, 1735, 1734, 1733, 1732, 1731, 1730, 1729, 1728, 1727, 1726, 1725, 1724, 1723, 1722, 1721, 1720, 1719, 1718, 1717, 1716, 1715, 1714, 1713, 1712, 1711, 1710, 1709, 1708, 1707, 1706, 1705, 1704, 1703, 1702, 1701, 1700, 1699, 1698, 1697, 1696, 1695, 1694, 1693, 1692, 1691, 1690, 1689, 1688, 1687, 1686, 1685, 1684, 1683, 1682, 1681, 1680, 1679, 1678, 1677, 1676, 1675, 1674, 1673, 1672, 1671, 1670, 1669, 1668, 1667, 1666, 1665, 1664, 1663, 1662, 1661, 1660, 1659, 1658, 1657, 1656, 1655, 1654, 1653, 1652, 1651, 1650, 1649, 1648, 1647, 1646, 1645, 1644, 1643, 1642, 1641, 1640, 1639, 1638, 1637, 1636, 1635, 1634, 1633, 1632, 1631, 1630, 1629, 1628, 1627, 1626, 1625, 1624, 1623, 1622, 1621, 1620, 1619, 1618, 1617, 1616, 1615, 1614, 1613, 1612, 1611, 1610, 1609, 1608, 1607, 1606, 1605, 1604, 1603, 1602, 1601, 1600, 1599, 1598, 1597, 1596, 1595, 1594, 1593, 1592, 1591, 1590, 1589, 1588, 1587, 1586, 1585, 1584, 1583, 1582, 1581, 1580, 1579, 1578, 1577, 1576, 1575, 1574, 1573, 1572, 1571, 1570, 1569, 1568, 1567, 1566, 1565, 1564, 1563, 1562, 1561, 1560, 1559, 1558, 1557, 1556, 1555, 1554, 1553, 1552, 1551, 1550, 1549, 1548, 1547, 1546, 1545, 1544, 1543, 1542, 1541, 1540, 1539, 1538, 1537, 1536, 1535, 1534, 1533, 1532, 1531, 1530, 1529, 1528, 1527, 1526, 1525, 1524, 1523, 1522, 1521, 1520, 1519, 1518, 1517, 1516, 1515, 1514, 1513, 1512, 1511, 1510, 1509, 1508, 1507, 1506, 1505, 1504, 1503, 1502, 1501, 1500, 1499, 1498, 1497, 1496, 1495, 1494, 1493, 1492, 1491, 1490, 1489, 1488, 1487, 1486, 1485, 1484, 1483, 1482, 1481, 1480, 1479, 1478, 1477, 1476, 1475, 1474, 1473, 1472, 1471, 1470, 1469, 1468, 1467, 1466, 1465, 1464, 1463, 1462, 1461, 1460, 1459, 1458, 1457, 1456, 1455, 1454, 1453, 1452, 1451, 1450, 1449, 1448, 1447, 1446, 1445, 1444, 1443, 1442, 1441, 1440, 1439, 1438, 1437, 1436, 1435, 1434, 1433, 1432, 1431, 1430, 1429, 1428, 1427, 1426, 1425, 1424, 1423, 1422, 1421, 1420, 1419, 1418, 1417, 1416, 1415, 1414, 1413, 1412, 1411, 1410, 1409, 1408, 1407, 1406, 1405, 1404, 1403, 1402, 1401, 1400, 1399, 1398, 1397, 1396, 1395, 1394, 1393, 1392, 1391, 1390, 1389, 1388, 1387, 1386, 1385, 1384, 1383, 1382, 1381, 1380, 1379, 1378, 1377, 1376, 1375, 1374, 1373, 1372, 1371, 1370, 1369, 1368, 1367, 1366, 1365, 1364, 1363, 1362, 1361, 1360, 1359, 1358, 1357, 1356, 1355, 1354, 1353, 1352, 1351, 1350, 1349, 1348, 1347, 1346, 1345, 1344, 1343, 1342, 1341, 1340, 1339, 1338, 1337, 1336, 1335, 1334, 1333, 1332, 1331, 1330, 1329, 1328, 1327, 1326, 1325, 1324, 1323, 1322, 1321, 1320, 1319, 13

440 · 25

1. $\mathcal{N}(\mathcal{A}) \cap \mathcal{N}(\mathcal{B}) = \mathcal{N}(\mathcal{A} \cup \mathcal{B})$ for all $\mathcal{A}, \mathcal{B} \in \mathcal{P}(\mathcal{S})$.

1. *Phragmites* spp. (Cyperaceae)

[illegible][illegible]

En el caso de las personas con discapacidad, la ley establece que el Estado debe garantizar el acceso a la educación, el trabajo y la participación social, promoviendo la igualdad de oportunidades y la no discriminación.

...

1. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 1, 1-11.
2. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 2, 1-11.
3. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 3, 1-11.
4. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 4, 1-11.
5. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 5, 1-11.
6. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 6, 1-11.
7. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 7, 1-11.
8. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 8, 1-11.
9. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 9, 1-11.
10. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 10, 1-11.

²⁷ *ibid.* at 107 (quoting 12 C.F.R. § 192.103(a)(1)).

MOHD. NOOR BIN OTMAN

Seneciochia hirsuta (Maxon) Wats.
Seneciochia hirsuta (Maxon) Wats.

SENARAI RUJUKAN

- A. Kadir Jasin. 2002. *Information Malaysia 2002*. Kuala Lumpur. Berita Publishing Sdn. Bhd.
- A. Samad Idris. 1968. *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur. Utusan Melayu.
- _____. 1990. *Payung Berkembang*. Kuala Lumpur. Pustaka Budiman.
- A. Samad Idris, Abdul Muluk Daud, Haji Muhd Tainu, Norhalim Hj. Ibrahim. 1994. *Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram Luak Tanah Mengandung*. Muzium Negeri, Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus.
- A. Samad Idris, Norhalim Hj Ibrahim, Muhd Tainu, Dharmala NS. 1994. *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram, Adat Merentas Zaman*. Negeri Sembilan. Jawatankuasa Penyelidik Budaya Negeri Sembilan.
- A. Rahim b. Hj. Ismail. 1990. Sebelum Jempol Bernama Jempol. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Anwar Ibrahim. 1986. *Pakaian Adat Tradisional Daerah Sumatera Barat*. Padang. Department Pendidikan dan Kebudayaan Projek Inventerisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Barat.
- Buyung Adil. 1981. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheah Boon Kheng. 2001. *The Encyclopedia of Malaysia: Early Modern History*

1800-1940. Singapore. Archipelago Press animprint of Editions Didier Miller Pte. Ltd.

Dato' Komo Hj. Duaji bin Bakar. *Sejarah Luak Jempol dan Adat Istiadatnya*. Negeri Sembilan. Jawatankuasa Penyelidik Budaya Negeri Sembilan.

Gullick J.M. 1920. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hj. Ismail bin Abdul Hadi. 2004. *Peralatan Muzik Tradisional*. Koleksi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

L. Martin. 1987. *The Negri Sembilan Their Origin and Constiution*. JSBRAS VOL. XIV.

_____. 1887. *The Negri Sembilan*, JSBRAS. Vol xix.

Lokman Abdul Samad. 2003. *Pemartabat Tamadun Bangsa*. Dewan Budaya. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Md. Darus Hj. Abdul Manaf. 2002. *Teratak Za' ba: Lambang Warisan Kesarjanaan*. Jendela Warisan. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

Mochtar Naim, Hasan Basri Durin, Emil Salim, Alfian Arbie Taufik Abdullah, Chairol Harun, Yoesuf Scuyb, Usman Pelly. 1984. *Minangkabau Minangrantau*. Jakarta. Penerbit Madju.

- Mohd Hisa Tahat. 1987. Sejarah Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Muhammad bin Hj. Mahyuddin. 1996. *Koleksi di Masjid-masjid Negeri Sembilan*. Penerbit Bahagian Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.
- Nathan. J.E. dan Wnstedt. R.O. 1920. *Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terachi. Papers on Malay Subjects*. Culcutta Federated Malay States.
- Negeri Sembilan. 1979. Akta Tanah Negara. *Warta Kerajaan Negeri Sembilan*.
- Noone. H.D. 1939. *The Penarikan and Bernam Land Routes*. JMBRAS. VOL XIX.
- Nordin Selat. 1976. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur. Utusan Melayu Malaysia Bhd.
- Norizan Hj. Ayang. 2001. Skrip Drama: Sepintas Llu Jalan Penarikan Lagenda Sejarah Melayu. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1989. Sistem Masyarakat Negeri Sembilan. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- _____. 1995. *Negeri yang Sembilan*. Shah Alam. Fajar Bakti.
- Norhalim bin Hj. Ibrahim dan Jamaludin bin Samsudin. 1998. Jalan Penarikan Laluan Sejarah Di Jempol. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

- Norleila Ismail. 1993. *Sistem Politik dan Pengaruh Kebudayaan Minangkabau Negeri Sembilan. Studi Kasus Pemerintahan Tunku Mohamad (1898-1933)*. Padang. Fakultas Sastra Universitas Andalas.
- Rahimi. 1998. Negeri Sembilan. Asal-Usul Nama-nama Kampung dalam Mukim Ulu Jempol di Daerah Kuala Pilah. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
1975. *Sejarah Sekolah-sekolah di Negeri Sembilan 1870-1974*, Kementerian Pelajaran Malaysia. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Sharifa Khan, Khoo Kay Kim. 1986. *The Making of Modern Negeri Sembilan 1874-1898*. Taman Seni Budaya Negeri Sembilan.
- Sheehan J.J dan Abdul Aziz b. Khamis. *Adat Kuala Pilah*. JMBRAS.vol xix.
- Syed Alwi b. Sheikh Al-Hadi. 1965. *Adat Resam Melayu dan Adat Istiadat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Anuar b. T. Dalam. 1997. *Asas-asas Kenegaraan Malaysia*. Kuala Lumpur. Al-Azim Sdn. Bhd.
- Wan Sharifah bt. Wan Ghani. 1991. *Luak Tanah Mangandung*. Budaya Negeri. Negeri Sembilan.
- Winsted R.O. 1961. *The Malay, A Cultural History*. London. Routledge & Kegan Paul Ltd.